

## Kesan Pembangunan Pelancongan Terhadap Kelestarian Kehidupan Komuniti Orang Asli Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands

*The Effect of Tourism Development to the Livelihood Sustainability of the Orang Asli at the Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands*

Norlida Hanim Mohd Salleh (norlidahanim@gmail.com)  
Redzuan Othman (redzuan@ukm.my)  
Siti Hajar Idris (hajar@ukm.my)  
Abdul Hamid Jaafar (ahamid@ukm.my)  
Doris Padmini Selvaratnam (pegasus@ukm.my)  
Pusat Pengajian Ekonomi, FEP  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kelestarian kehidupan komuniti Orang Asli di Sungai Ruil di destinasi pelancongan Cameron Highlands, Malaysia. Beberapa indikator pengukur kelestarian kehidupan yang dibangunkan oleh United Nations Development Programme (UNDP, 2005) diguna pakai dalam kajian ini. Antara indikator tersebut adalah aset manusia, aset kewangan, aset fizikal, aset sosial dan gangguan atau ancaman kepada kehidupan masyarakat orang asli. Untuk mencapai tujuan tersebut kaedah temubual secara bersemuka dengan responden di kawasan kediaman mereka telah dilakukan pada Oktober-Disember 2011. Temubual melibatkan sejumlah 110 orang responden yang mewakili setiap rumah yang terdapat di Kg. Sg. Ruil. Kajian mendapati faedah pembangunan pelancongan di Cameron Highland turut dinikmati oleh komuniti Orang Asli melalui penerimaan impak positif dari segi peningkatan dalam aset manusia, aset kewangan, aset fizikal dan aset sosial. Mereka juga berjaya mengatasi ancaman yang dihadapi dalam mengekalkan kelestarian kehidupan mereka.

**Kata Kunci:** kelestarian kehidupan, Orang Asli, pelancongan, Cameron Highland.

### ABSTRACT

*The main objective of this study is to measure the level of livelihood sustainability of indigenous peoples at Kg. Sg. Ruil located in tourist destination of Cameron Highlands, Malaysia. Several indicators measuring livelihood sustainability as developed by the United Nations Development Program are employed in this study. Among the indicators measured are human assets, financial assets, physical assets, social assets and the disruption or threat to the livelihood of indigenous people (Orang Asli). Face to face interview method involving a total of 110 respondents was done in October-December 2011. The results have indicated that the development of tourism in Cameron Highland brought positive impacts to the indigenous people in terms of increment in their human assets, financial assets, physical and social assets. They also managed to handle the threats that may disrupt their livelihood sustainability.*

**Keywords:** Sustainable livelihood, Orang Asli, tourism, Cameron Highlands.

### PENGENALAN

Pembangunan industri pelancongan membawa pelbagai impak kepada kelompok masyarakat termasuk komuniti peribumi (Orang Asli bagi kes Malaysia). Sungguhpun penglibatan mereka terlalu kecil dan agak terpinggir namum, kesan limpahan kepada masyarakat ini seharusnya berlaku. Mereka ini didedahkan kepada pelbagai peluang yang boleh diperoleh daripada pembangunan industri pelancongan ini.

Kesan limpahan ini kepada komuniti peribumi adalah jelas kerana bagi sesetengah kawasan pelancongan yang dibangunkan khususnya di kawasan pendalam adalah berasaskan produk alam

sekitar dan kawasan yang dibangunkan ini dihuni oleh komuniti orang asli. Kawasan pelancongan Taman Negara Pahang-Malaysia umpamanya, merupakan kawasan yang dihuni oleh komuniti Orang Asli berketurunan Batek (Zanisah, et. al., 2009), sementara kawasan pelancongan Cameron Highland Pahang-Malaysia, pula merupakan kawasan penempatan komuniti Orang Asli berketurunan Semai. Diperingkat antarabangsa sepertimana dilaporkan oleh Dyer, et. al (2003), impak pembangunan pelancongan dan komuniti masyarakat pribuminya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Komuniti ini mendapat manfaat dari aspek peluang, pekerjaan, berlaku peningkatan kesefahaman budaya dan harta benda.

Pembangunan industri pelancongan dan impak kepada komuniti telah banyak dibincangkan di kalangan penyelidik. Ini kerana impak positif dan negatif begitu sinonim apabila berlakunya mana mana pembangunan. Oleh itu penyelidik kesan pembangunan mengenalkan pendekatan pembangunan lestari dan pelancongan lestari untuk menganalisis kesan positif dan negatif daripada sesuatu pembangunan terhadap komuniti tempatan dengan harapan kesan negatifnya dapat diminimumkan. Ini khususnya jika pembangunan tersebut banyak memberikan kesan langsung kepada komuniti tempatan. Diharapkan pembangunan pelancongan lebih menyerlahkan kesan positif sama ada kepada sosio-ekonomi dan budaya, fizikal mahupun alam sekitar komuniti setempat.

Antara impak yang penting ialah impak sosio-ekonomi yang mana daripada pembangunan industri pelancongan diharap dapat mengurangkan kadar kemiskinan komuniti tempatan termasuk komuniti Orang Asli di Malaysia. Pada umumnya komuniti ini masih berada pada kadar kemiskinan yang tinggi dan masih terbatas dari segi menerimaan tingkat pendidikan sebagaimana dilaporkan juga oleh kajian Caroline (2008).

Di Malaysia menurut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli [JHEOA] (2003), pencapaian pembangunan komuniti Orang Asli melalui pelbagai program khusus yang dirancang untuk mereka selepas 40 tahun masih tidak menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Paras kemiskinan serta kemelaratan hidup di kalangan isirumah Orang Asli masih berada di tahap yang tinggi dengan hampir 80 peratus isirumah hidup di bawah garis kemiskinan<sup>1</sup>. Malah 50 peratus daripada mereka masih dikategorikan sebagai miskin tegar<sup>2</sup>. Keadaan ini mungkin tidak dapat diselesaikan sepenuhnya tetapi keterpinggiran dalam arus pembangunan seharusnya dapat diminimumkan.

Penglibatan diri dalam ekonomi pasaran sememangnya wujud, tetapi masih pada tahap yang rendah. Wujudnya pengaruh pemodenan dan struktur ekonomi mereka yang berdasarkan pasaran dapat dilihat dari aset yang dimiliki sebahagian ahli komuniti ini seperti radio, TV, peti ais, peralatan telekomunikasi dan sebagainya seperti juga hasil kajian Dyer, et. al (2003).

Impak ini turut dinikmati komuniti Orang Asli kawasan Cameron Highland di mana mereka telah lama terdedah dengan suasana pelancongan di kawasan tersebut dan telah mengambil bahagian dalam ekonomi pasaran dengan menjual barang hutan sepanjang jalan menuju ke puncak Cameron Highland. Dengan ertikata lain mereka juga telah mula menunjukkan keterbukaan dan menerima pembangunan pelancongan dalam kehidupan mereka. Namun, masih terdapat komuniti yang menolak pembangunan sebagaimana dilaporkan dalam kajian penyelidik lain. Mereka enggan atau membantaskan penerima aktiviti pelancongan (Ryan, 1991). Penolakan ini ada kaitan dengan berlakunya gangguan terhadap kehidupan sosial mereka (Mercer, 1994). Selain wujud kebimbangan bilamana penerimaan pelancong dirasakan boleh merubah dan memusnahkan budaya masyarakat terutama bilamana penempatan mereka mula dijadikan destinasi tarikan pelancong (Greenwood, 1989; Moowforth & Munt, 1998).

Pandangan negatif ini harus dikikis kerana sedikit sebanyak pembangunan pelancongan khususnya di kawasan komuniti peribumi dapat mengurangkan kemiskinan melalui peluang peluang perniagaan kesan daripada pembangunan ekonomi ini. Ini akan memastikan kelestarian kehidupan mereka. Menyedari hakikat ini, kertas kerja ini bertujuan mengkaji sejauh mana pembangunan pelancongan di Cameron Highland telah melestarikan kehidupan masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Ruil, iaitu satu-satunya perkampungan Orang Asli yang terletak di tengah-tengah kawasan utama pembangunan pelancongan.

Penelitian ini menggunakan beberapa indikator yang terdapat dalam rangkakerja kelestarian kehidupan United Nation Development Programme (UNDP, 2005). Perbincangan hasil kajian disusun secara terperinci dengan perbincangan terlebih dahulu dimulai dengan perbincangan: ii) kerangka kerja penyelidikan, iii) sorotan kajian lepas, iv) metodologi dan lokasi kajian, v) hasil kajian dan vi) kesimpulan serta implikasi kajian.

<sup>1</sup> Menerima pendapatan kurang daripada RM750, Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.

<sup>2</sup> Menerima pendapatan kurang daripada RM440, Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.

## KERANGKA KERJA PENYELIDIKAN

Dalam meneruskan kehidupan pelbagai keperluan hidup diperlukan. Menurut teori Maslow (Maslow, 1943) setiap manusia akan berusaha untuk memenuhi dan mengutamakan keperluan atas mereka terlebih dahulu seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sebelum mereka dapat memenuhi kehendak yang kompleks. Atas keperluan ini pelbagai aspek/aset yang dimiliki individu perlu digembeling dalam usaha membolehkan individu tersebut melangsungkan kehidupan mereka. Aset tersebut adalah seperti ditunjukkan di JADUAL 1.

Aset di atas dan tenaga usaha digunakan untuk menjana pendapatan bagi kehidupan. Walau bagaimanapun, setiap individu boleh menghadapi masalah dalam menggunakan aset ini. Masalah ini mungkin menghalang keupayaan dalam menjana pendapatan. Jika halangan ini dapat diuruskan dengan baik, masyarakat boleh berjaya dalam mencapai kelestarian kehidupan, tetapi jika sebaliknya, ia mungkin memburukkan lagi keadaan kehidupan komuniti ini. Halangan ini termasuk bencana alam dan wabak penyakit (Malleret dan Simbu, 2010; Claire, 2010). Rangka kerja konsep kelestarian dibincangkan di atas adalah seperti yang digambarkan dalam RAJAH 1 (Allison dan Horemans, 2006).

Daripada RAJAH 1, kesediaaan dasar, institusi dan proses serta kebolehsampaian kepadanya juga mempengaruhi kemampuan komuniti memiliki aset yang seterusnya mempengaruhi kelestarian kehidupan mereka. Ketiga-tiga perkara ini juga didapati berkait dengan aspek kebolehterancaman yang menggugat kelestarian komuniti, selain berkeupayaan menghasilkan strategi bagi mencapai matlamat kehidupan (contoh meningkatkan pendapatan, meningkatkan kebijakan, bebas atau berupaya menangani sebarang ancaman kehidupan, kecukupan makanan, peningkatan empowerment and social inclusion).

Kerangka kerja seperti dibincangkan ini sering kali digunakan dalam kajian yang berkaitan kelestarian kehidupan komuniti pulau umpamanya yang dilakukan oleh UK Government's Department (2003), Harrison (2005), Claire (2004), Bruce et. al (2007), Bennett (2005), Teresa (2008), Cinner (2010).

## SOROTAN KAJIAN

Kajian berkaitan komuniti orang asli meliputi pelbagai seperti aspek-aspek budaya, sosio-ekonomi dan kepercayaan komuniti tersebut. Kajian oleh McInfire (1969) umpamanya melihat aspek sosio-ekonomi mereka. Masyarakat asli di Hopi Arizona, Amerika Syarikat dikatakan menerima perubahan dalam kehidupan mereka daripada kehidupan berasaskan ekonomi sara diri di sektor pertanian. Penerimaan tersebut juga telah membawa kepada perubahan dari aspek jenis-jenis rumah dan struktur kampung yang tradisional kepada yang lebih radikal akibat kemerosotan sektor pertanian dan naiknya upah buruh.

Ruddle (1970) telah membuat kajian mengenai sistem sara diri masyarakat Yukpu di kawasan sempadan Columbia, Venezuela yang mendapat ekonomi masyarakat ini adalah berasaskan kepada pertanian pindah yang diusahakan dalam pelbagai bentuk. Pada tahun yang sama, Ushec telah mengkaji mengenai perkaitan aspek-aspek ekonomi dengan ekologi masyarakat Bankslanders di Pulau Banks, di utara Kanada menunjukkan aktiviti memburu dan menjerat binatang merupakan kegiatan ekonomi yang utama masyarakat tersebut. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang erat antara dasar ekologi dan ekonomi sosial yang disesuaikan mengikut masa.

Monk (1975) dalam kajiannya terhadap masyarakat orang asli di Australia membuat perbandingan ekologi enam kumpulan masyarakat orang asli. Kajian tersebut mendapati ciri-ciri penduduk, peluang-peluang ekonomi yang sedia ada dan sejauh mana bergantung kepada campur tangan kerajaan adalah faktor penting yang membentuk pola-pola sosial-ekonomi dan perbezaan ciri-ciri utama masyarakat primitif.

Kajian mengenai masyarakat orang asli turut dilakukan di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu. Walter William Skeet dan Charles Otto Blagden (1906) merupakan dua pengkaji terawal yang mengkaji berkaitan dengan orang asli di Tanah Melayu. Mereka telah menulis buku yang bertajuk “*Pagan Races of Malay Peninsular*”, yang membicarakan secara ringkas mengenai kumpulan-kumpulan orang asli di Semenanjung Malaysia. Mereka menyentuh soal-soal budaya, sifat fizikal orang asli dan kehidupan mereka.

Kayoko Ishii (2003) menunjukkan bahawa pelancongan etnik menyediakan sumber pendapatan kepada komuniti minoriti tempatan. Walau bagaimanapun, hasil pendapatan golongan muda dan wanita adalah lebih tinggi daripada orang tua menyebabkan terdapat jurang perbezaan yang mengganggu sistem sosial patriaki mereka.

Alison (2004) mendapati dengan wujudnya pertemuan dengan orang asli di Thailand, pelancong mula menghargai budaya orang asli berdasarkan 5 pusat dimensi iaitu setelah mereka melihat cara hidup, persekitaran, kesihihan, setelah berinteraksi dengan orang asli serta mengalami sendiri pembelajaran tak formal.

Chris Ryan (2002) melaporkan keputusan kaji selidik pelancong yang telah melawat Central Australia. Dilaporkan aktiviti mengenali budaya orang Asli Australia adalah kurang menarik berbanding aktiviti-aktiviti lain. Hasil kajian mengesahkan hanya kumpulan-kumpulan penyelidik iaitu golongan minoriti dari jumlah pelancong yang melawat Australia menunjukkan tahap minat yang tertinggi terhadap budaya orang Asli

Pam Dyer (2002) menunjukkan bahawa kesan positif pelancongan yang dikenal pasti oleh kajian ini termasuklah kebangkitan semula budaya Djabugay, peluang pekerjaan, dapat bekerja bersama-sama dengan komuniti sendiri, meningkatkan pemahaman silang budaya dan kebaikan mereka dijaga dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, kelemahan seperti kemererosotan budaya Djabugay, eksplorasi masyarakat Djabugay, interaksi pelancong- Djabugay yang minimum dan bahan yang terhad juga turut didapati.

Jeremy Bultjen (2010) meneliti penglibatan Orang Asli dalam pelancongan di Weipa utara-barat Queensland dan peranan operasi perlombongan bauksit Comalco yang kini dikenali sebagai Rio Tinto Aluminium, dalam membantu perkembangan ini. Walau bagaimanapun, lombong itu tidak terlibat secara langsung tetapi adalah sebagai pemudah cara bekerja dengan beberapa organisasi serantau orang Asli.

Jelas daripada kajian lepas, kehidupan masyarakat orang asli termasuk di Malaysia telah mengalami perubahan terutama dari aspek ekonomi dengan membangunnya ekonomi negara. Ini bermakna masyarakat ini telah dibangunkan sama seperti masyarakat lain di negara ini. Oleh kerana membangunnya masyarakat ini maka taraf kehidupan mereka juga dijangkakan telah meningkat. Sebagaimana dibincangkan di awal kajian, kertas ini bertujuan meninjau kesan pembangunan khususnya pembangunan pelancongan terhadap kelestarian kehidupan masyarakat orang asli Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands.

## **METODOLOGI DAN LOKASI KAJIAN**

### **Metodologi dan Pungutan Data**

Kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini adalah survey/kaji selidik. Kaji selidik ini dibahagikan kepada tujuh sub-seksyen yang mana lima sub-seksyen berkaitan dengan penunjuk utama yang dibincangkan di atas. Dua sub-seksyen lain adalah ancaman/ketidaktentuan dan profil responden. Sebanyak 110 orang responden telah dipilih dalam kajian ini, iaitu sekitar 10 peratus daripada penduduk tetap kawasan kajian. Maklumat kajian akan di analisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis taburan kekerapan. Analisis ini adalah berdasarkan kepada persepsi responden mengenai petunjuk dan ketidaktentuan yang telah dibincangkan sebelum ini. Selain itu kaedah analisis min turut dilakukan.

### **Latar Belakang Lokasi Kajian dan Orang Asli (OA) Cameron Highland**

Kajian ini memberi tumpuan terhadap kawasan perkampungan Orang Asli Sg. Ruil. Kawasan ini terletak kira-kira 3km dari bandar Brinchang dan merupakan kawasan kediaman komuniti OA yang paling hampir dengan pusat bandar, rujuk RAJAH 1. Kedudukan adalah kira-kira 500 meter dari jalan besar menuju ke bandar Brinchang. Kampung ini didiami oleh sekitar 1,140 orang penghuni dengan jumlah 146 buah keluarga. Diketuai oleh seorang batin En. Kadir a/l Latif.

Dari segi lokasi, kedudukan Kg. Sg. Ruil ini sangat berdekatan dengan pusat bandar, dijangka komuniti ini memperoleh kesan langsung dan menikmati limpahan positif daripada pembangunan khususnya daripada sektor pelancongan. Limpahan impak ini akan membawa peningkatan dari segi taraf hidup mereka walaupun tidak merangkumi kesemua elemen penting dalam indikator kelestarian kehidupan sebagaimana yang digunakan oleh UNDP (2005), Allison (2005, Harrison (2005); Claire (2004); Bruce (2007); Narriman, et. al (2009) and Cinner (2000). Keadaan ini ada kaitannya dengan cara hidup komuniti ini yang masih belum mementingkan kehidupan yang bermotifkan kekayaan. Sebaliknya masih berpegang kepada hubungan kekeluargaan, budaya dan kebahagiaan /kegembiraan (Kadir, 2011).

Kedudukan yang bersebelahan dengan lokasi Jabatan Kemajuan Orang Asli Cameron Hingland (JAKOA) juga merupakan kelebihan kepada perkampungan ini berbanding kampung-kampung OA yang lain seperti Kg. Sg. Ubi, Kg. Boh, Kg. Sg. Susu dan sebagainya. Pada umumnya terdapat sejumlah 27 buah kampung OA di Cameron Highlands dengan penduduk sejumlah 6100 orang (JAKOA, 2011).

## **HASIL KAJIAN KELESTARIAN KEHIDUPAN KOMUNITI ORANG ASLI KG. SG. RUIL CAMERON HIGHLANDS**

Secara terperinci bahagian ini akan membincangkan aset-aset yang mencerminkan kelestarian kehidupan masyarakat orang asli di Kg. Sg. Ruil Cameron Highlands. Ini dimulai dengan perbincangan ringkas tentang latar belakang responden.

### **Latar Belakang Responden Kg. Sg. Ruil Cameron Highland**

Profil responden bagi kajian ini ditunjukkan oleh JADUAL 3. Daripada jadual didapati bilangan responden dari segi jantina adalah hampir seimbang iaitu 42.7 peratus adalah lelaki dan 57.3 adalah perempuan.

Daripada keseluruhan responden, 26.1 peratus adalah ketua isi rumah (KIR) dan 73.9 peratus adalah ahli isi rumah (AIR). Bagaimanapun, dalam usaha mendapatkan maklumat berkaitan responden yang tepat, AIR yang dipilih adalah AIR yang dapat mewakili isi rumah tersebut. Majoriti mereka berumur antara 21-30 tahun (59.9 peratus), 31-40 tahun (20.0 peratus) dan 41 tahun ke atas (20.0 peratus).

Peratus dari segi status perkahwinan responden adalah seimbang iaitu 46.6 peratus belum berkahwin dan 45.6 peratus telah berkahwin. Selebihnya adalah dalam kumpulan balu/duda serta bercerai.

Sekitar 54.3 peratus adalah merupakan keluarga asas manakala 45.7 peratus adalah keluarga luas. Dari status ini, membuktikan terdapat hampir separuh ahli keluarga yang telah berumah tangga masih tinggal bersama ahli keluarga mereka.

Majoriti penduduk (87.6 peratus) merupakan penduduk asal dan selebihnya adalah penduduk dari kawasan luar yang berhijrah ke Kg. Sg. Ruil. Punca perpindahan adalah disebabkan oleh faktor perkahwinan (8.1 peratus) dan pekerjaan (4.3 peratus).

Majoriti penduduk beragama Kristian (35.1 peratus), diikuti Islam (33.6 peratus), agama Nenek-moyang (14.5 peratus), Hindu (0.8 peratus) dan lain-lain (16.0 peratus).

### **Aset Manusia**

Aset manusia merangkumi aspek pendidikan, pengalaman bekerja serta kemahiran dan pengetahuan yang mereka miliki.

Daripada JADUAL 4 didapati majoriti komuniti Orang Asli ini telah mendapat pendidikan sama ada pendidikan formal (67.8 peratus) mahupun pendidikan tidak formal (19.2 peratus). Kadar keciciran pendidikan sekitar 13 peratus. Bagaimanapun, peratusan yang menerima pendidikan tinggi masih berada pada tahap yang rendah iaitu pada kadar 1.5 peratus sahaja.

Daripada 67.8 peratus yang menerima pendidikan formal ini, sekitar 11.5 peratus menerima pendidikan sekolah rendah, 54 peratus menerima pendidikan menengah rendah dan hanya 0.8 peratus menerima pendidikan menengah atas. Daripada perangkaan ini dapat dirumuskan sungguhpun komuniti ini menerima pendidikan, namun tahap pendidikan mereka masih berada pada tahap yang rendah.

Daripada jumlah 67.8 peratus penerima pendidikan formal ini sekitar 64.1 peratus memberi response terhadap faktor yang menghalang mereka daripada meneruskan pendidikan. Antara faktor utama yang menghalang mereka melanjutkan pelajaran adalah faktor kewangan (25.2), tidak berminat (21.4 peratus), prestasi akademik yang tidak memuaskan (9.9 peratus) dan desakan/ketidakmampuan keluarga (7.6 peratus).

Daripada aspek pengalaman bekerja pula didapati majoriti (59.6 peratus) mempunyai pekerjaan tetap. Kebanyakan mereka bekerja dalam sektor pelancongan (29.0 peratus) diikuti dalam sektor swasta (16.8 peratus) dan kerajaan (9.2 peratus). Hanya 4.6 peratus daripada keseluruhan responden merupakan mereka yang bekerja sendiri.

Daripada jumlah yang bekerja ini sejumlah 15.9 peratus menerima pendapatan sekitar RM500 dan kebawah, 31.3 peratus menerima pendapatan antara RM501-1,000, 10.7 peratus menerima pendapatan antara RM1,001-1,500 dan 1.5 peratus menerima pendapatan antara RM1,500-2,000. Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap rata-ratanya menerima pendapatan dibawah RM440 yang boleh diklasifikasikan kepada miskin tegar.

Walaupun ramai di kalangan komuniti Orang Asli tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menerima pendapatan yang rendah, namun usaha kearah meningkatkan pendapatan dijangka boleh dilakukan. Ini kerana ramai dikalangan mereka mempunyai pelbagai kemahiran yang boleh digembeling untuk membangunkan komuniti ini. Antaranya dari segi kemahiran membaca dan menulis, penguasaan Bahasa Malaysia, Inggeris dan Asli, serta kemahiran memasak didapati lebih 50 peratus daripada komuniti ini mahir menguasainya.

Orang Asli turut mempunyai kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran kesenian (36.6 peratus), kemahiran kraftangan (28.3 peratus), bercucuk taman (47.3 peratus), ternakan (39 peratus), berburu (31 peratus), kemahiran menjek (26.7 peratus), bersukan rekeusi (43.6 peratus), kemahiran teknikal dan perubatan tradisional (25.2 peratus) dan sebagainya.

### **Aset Sosial**

Daripada sudut aset sosial pula kajian ini meneliti hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan komuniti. Bagi komuniti Orang Asli, didapati hubungan sama ada antara ahli keluarga mahupun dengan ahli masyarakat, hubungan antara mereka tetap wujud bila mana mereka menghadapi masalah. Umpamanya, bagi masalah kesihatan majoriti mendapati ibubapa, adik beradik dan saudara mara merupakan orang yang selalu mendampingi dan menolong mereka (sekitar 50 peratus). Bagi masalah kewangan pula, ibubapa dan pasangan (36-46 peratus) merupakan tempat rujukan mereka. Begitu juga bagi masalah emosi (40-42 peratus). Dikalangan ahli masyarakat, jiran dan rakan rakan pula merupakan tempat mengadu masalah kesihatan, kewangan dan emosi mereka.

Hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan yang baik dikalangan komuniti Orang Asli ini juga terjelma bilamana didapati mereka ini sangat aktif melibatkan diri. Sekitar 76-83 peratus ahli komuniti menyatakan mereka menghadiri pelbagai acara yang dianjurkan oleh komuniti mereka seperti kenduri kahwin, aktiviti keagamaan, gotong royong dan menziarahi orang sakit dan kematian. Aktiviti sosial dan ceramah umum juga tidak ketinggalan diikuti oleh sebahagian (61-65 peratus) ahli masyarakat.

Rata-ratanya mereka juga sangat mempercayai jiran dan ahli keluarga dalam membantu menjaga harta benda (rumah) mereka.

Mereka juga didapati kerap kunjung mengunjungi antara satu sama lain (JADUAL 5d). Saudara-mara, adik beradik dan ibu bapa adalah antara keluarga yang kerap menziarahi mereka iaitu pada kadar antara 8-16 kali setahun. Sementara ibu bapa, cucu dan saudara mara pula merupakan antara ahli keluarga yang sering mereka lawati. Purata lawatan mereka dalam setahun adalah antara 10-15 kali. Dalam kalangan ahli masyarakat, pemimpin masyarakat merupakan orang yang selalu melawat dan dilawati oleh mereka. Bilangan kali lawatan adalah antara 16-20 kali dalam setahun. Maklumat-maklumat ini jelas membuktikan ahli masyarakat orang asli sangat akrab antara satu dengan yang lain.

### **Aset Fizikal**

Dari sudut aset fizikal, komuniti Orang Asli diperkampungan Sg. Ruil ini telah disediakan dengan pelbagai kemudahan fizikal asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, telefon awam, kemudahan pengangkutan, hospital/klinik, kedai runcit, surau dan balai raya.

Lebih 50 peratus daripada keseluruhan komuniti menyatakan kemudahan disediakan adalah bertambah baik. Hanya antara 0.8-7 peratus sahaja menyatakan semakin teruk dan selebihnya tiada perubahan.

Sungguhpun kemudahan tersedia, namun pembaikan masih perlu dan boleh dinaiktaraf seperti saranan responden terhadap kemudahan jalan raya dan kemudahan telefon awam, rujuk JADUAL 6a dan 6b.

### **Aset Kewangan**

Daripada aspek aset kewangan pula, hanya 45 peratus sahaja responden yang memberikan tindak balas terhadap persoalan ini. Rata-rata mereka mempunyai jumlah simpanan yang sedikit. Hanya 13 peratus sahaja mempunyai simpanan sekitar RM1,000. Selebihnya memiliki simpanan kurang daripada RM,000. Ini menunjukkan kehidupan komuniti ini agak rapuh khususnya jika mereka secara tiba-tiba berhadapan dengan kesulitan kehidupan luar jangka seperti penyakit kronik dan kemalangan.

Dari segi kadar hutang pula, hanya 12.5 peratus sahaja daripada keseluruhan responden mempunyai hutang. Tujuan berhutang adalah untuk tujuan membina rumah (3.8%) dan membeli kenderaan (6.1%). Kadar hutang yang rendah disebabkan sikap komuniti orang asli tidak gemar berhutang (Kadir, 2011), selain wujud sikap tolong-menolong yang tinggi dikalangan mereka. Jesteru itu, konsep berhutang tidak wujud dikalangan mereka. Keadaan ini dibuktikan bila mana diajukan punca pinjaman responden, keluarga merupakan antara institusi pemberi pinjaman. Selain itu terdapat juga pinjaman daripada institusi kewangan (9.9%) dan pinjaman dari jiran (0.8%). Majoriti kaedah bayaran semula pinjaman adalah secara ansuran.

### **Aset Semulajadi**

Dari aspek aset semula jadi iaitu pemilikan terhadap tanah, majoriti tidak mempunyai tanah. Ini kerana mereka ini sememangnya tidak mempunyai tanah secara individu sebaliknya tanah mereka adalah tanah yang digazetkan oleh kerajaan kepada komuniti ini. Tujuan penggazetan adalah untuk mengelakkan tanah milik komuniti ini dijual oleh mereka.

Sementara bagi milikan aset semula jadi hutan, hasil-hasil hutan merupakan hasil mata pencarian mereka. Mereka secara umumnya memang diizinkan untuk mencari hasil-hasil hutan sebagai mata pencarian mereka. Tiada sebarang kawalan dikenakan bagi mereka menerokai hasil hutan seperti rotan, petai, buluh dan sebagainya. Bagaimanapun, penebangan tumbuhan hutan dibenarkan (Kadir, 2011).

### **Kebolehterancaman Komuniti Orang Asli**

JADUAL 7menerangkan hasil kajian mengenai aspek kebolehterancaman komuniti. Didapati majoriti penduduk menghadapi ancaman banjir (51.6%), kemarau yang panjang (52.6%), tanah runtuh (76.4%) serta wabak penyakit (52.1%). Bagaimanapun, mereka menyatakan bencana tersebut jarang berlaku.

## **KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Secara keseluruhan, jika ditinjau dengan teliti pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan banyak membawa impak terhadap kelestarian kehidupan komuniti Orang Asli di perkampungan Sg. Ruil. Ini jelas kelihatan melalui aset-aset yang mereka miliki. Dalam kajian ini, tinjauan terhadap 5 aset telah dilakukan iaitu aset manusia, aset semulajadi, aset kewangan, aset fizikal dan aset semulajadi. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kadar kecukupan mereka terhadap aset-aset yang dinyatakan di atas masih kurang. Ini bermakna kerajaan dan badan bertanggungjawab harus terus memainkan peranan dalam membangunkan kelestarian kehidupan komuniti Orang Asli ini. Ringkasan dan cadangan yang disarankan adalah seperti di bawah.

Indikator	Dapatkan dan Cadangan Kajian	
	Dapatkan kajian	Cadangan
Aset Manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari aspek pendidikan berlaku kemajuan. Sekitar 67.8 peratus telah menerima pendidikan formal dan 19.2 peratus pendidikan tidak formal. Bagaimanapun, peratusan yang menerima pendidikan tinggi masih berada pada tahap yang rendah iaitu pada kadar 1.5 peratus sahaja.</li> </ul>	<p>Meningkatkan pencapaian pada peringkat tinggi harus menjadi agenda. Ini membolehkan mereka dihantar kembali ke komuniti asal dan bersama kerajaan membangunkan komuniti Orang Asli.</p> <p>Kemahiran yang dimiliki oleh komuniti ini harus digunakan khusus yang berkait dengan pembangunan industri pelancongan.</p>
Aset Semulajadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak memiliki tanah secara persendirian.</li> <li>• Sumber hutan walaupun secara umumnya masih diterokai namun hasilnya semakin berkurangan kerana pelbagai faktor.</li> </ul>	<p>Pembangunan secara bersama antara pemaju dan komuniti orang asli harus difikirkan dan diterajui oleh pihak yang bertanggungjawab kepada komuniti ini.</p> <p>Pemantauan oleh JAKOA masih relevan dan diperlukan.</p>

---

Aset Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hubungan dalam komuniti adalah baik sama ada antara rakan, jiran dan sebagainya.</li> </ul>	Keakraban yang mendorong kepada rangsangan ekonomi harus difikirkan. Hubungan ini dapat dijadikan kekuatan kepada komuniti ini dalam memajukan ekonomi mereka.
Aset Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemudahan awam bertambah baik walaupun terdapat kemudahan yang perlu diperbaiki mutu dan penyampaiannya. Namun, kemudahan fizikal asas telah tersedia kerana kedudukan perkampungan komuniti ini berada di pusat bandar.</li> </ul>	Beberapa kemudahan yang menjadi permintaan komuniti perlu diberikan perhatian. Ini dapat melestarikan lagi kehidupan komuniti. Antaranya kemudahan jalan raya sehingga ke kawasan komuniti ini, bekalan air bersih, padang permainan kanmak-kanak, telefon awam, balai raya, rumah, tandas awam dan saliran.
Aset Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendapatan komuniti adalah agak kecil. Sekitar 15.9 peratus menerima pendapatan sekitar RM500 dan kebawah, 31.3 peratus menerima pendapatan antara RM501-1,000, 10.7 peratus menerima pendapatan antara RM1,001-1,500 dan 1.5 peratus menerima pendapatan antara RM1,500-2,000. Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap rata-ratanya menerima pendapatan dibawah RM440 yang boleh diklasifikasikan kepada miskin tegar.</li> </ul>	Memperoleh pekerjaan tetap sepatutnya menjadai agenda dalam pembangunan komuniti ini.
Kebolehterancaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selamat dari tekanan atau keterancaman seperti banjir, kemarau, tanah runtuh dan wabak penyakit.</li> </ul>	Meningkatkan aspek kesihatan dan kawalan wabak, menyediakan kemudahan air bersih yang lebih terancang dan pembangunan semula rumah yang lebih selamat dan terancang.

---

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih atas bantuan kewangan yang diberikan kepada penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Komuniti: (KOMUNITI-2011-022), oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN


- Alison, J.M. (2004). Tourists' appreciation of Maori culture in New Zealand. *Tourism Management*, 25, 1-15
- Allison H. Edward H. (2006). Putting the principles of the Sustainable Livelihoods Approach into fisheries development policy and practice. *School of Development Studies*.
- Bennett, E.(2005). Gender, fisheries and development. *Marine policy*, 29(5), 451-459
- Bruce C. Glavovica.( 2007). Confronting Coastal Poverty: Building Sustainable Coastal Livelihoods In South Africa. *Ocean & Coastal Management* 50, 1-23.

- Buultjens, J., Brereton, D., Memmott, P., Reser, J., Thomson, L., & O'Rourke, T. (2010). The mining sector and indigenous tourism development in Weipa, Queensland. *Tourism Management*, 31, 597-606.
- Caroline, U. (2008). Social Capital, Collective Action and Group Formation: Developmental Trajectories in Post-socialist Mongolia. *Human ecology*, 36(2), 175-188.
- Cinner J.E. (2010). Differences in livelihoods, socioeconomic characteristics, and knowledge about the sea between fishers and non-fishers living near and far from marine parks on the Kenyan coast (*Marine Policy*). 22-28,34.
- Claire Ireland. (2004). Alternative Sustainable Livelihoods For Coastal Communities- A Review Of Experience and Guide to Best Practice. The World Conservation Union.
- Dyer, P., Aberdeen, L., & Schuler, S. (2003). Tourism impacts on an Australian indigenous community: A Djabugay case study. *Tourism Management*, 24, 83-95.
- Glenn-Marie L. & Narriman, J. (2009). Economic value of marine ecosystem services in Zanzibar: Implications for marine conservation and sustainable development. *Ocean & Coastal Management*, 52 (10) 521-532.
- Greenwood, D.J. ,(1989). Culture by the pound: an anthropological perspective on tourism as cultural commoditization. *The anthropology of tourism*, 2, 171-185.
- Harrison P. (2005). A Socio-economic Assessment of Sustainable Livelihoods Regimes for Communities of Mnazi Bay Ruvuna Estuary Marine Park, Tanzania. The World Conservation Union.
- JAKOA, 2011. Maklumat Tidak diterbitkan: Jabatan Kebajikan Orang Asli, Kuala Lumpur.
- Kadir, 2011. Temubual dengan Tok Batin Kg. Sg. Ruil Cameron Highland, Pahang, pada Oktober 2011.
- Kayoko, I. (2012). The impact of ethnic tourism on hill tribes in Thailand. *Annals of Tourism Research*, 39(1), 290-310.
- Malleret, D., and Simbua, J. (2004). The Occupational Structure of Mnazi Bay Ruvuma Estuary Marine Park Communities. ICUN EARO, Nairobi.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-396.
- Mercer, D. (1994). Native peoples and tourism: conflict and compromise. W.F Theobald (Ed.), *Global tourism: The next decade*, Butterworth-Heinemann, Oxford 124-145.
- Moowforth, M. & Munt, I (1998). *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. Routledge, London (1998).
- Ryan, C. & Huyton., J. (2002). Tourists and aboriginal people. *Annals of Tourism Research*, 29(3), 631-647.
- Teresa C.H. Tao. (2008). Tourism as a sustainable livelihood strategy. Department of Geography.
- United Nations Development Programme (UNDP). (2005). Sustainable Livelihoods Approaches. Guidance Note 10. On line at [www.undp.org](http://www.undp.org) retrieved on 18 March 2010.
- Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari, & Mustaffa Omar, (2009) Kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti batek di Kuala Tahan, Pahang. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4 (1), 1-12.

JADUAL 1: Indikator kehidupan


Elemen	Perincian Elemen
Manusia	Pendidikan, kursus/latihan, pengalaman bekerja, pengetahuan, kemahiran
Sosial	Hubungan kekeluargaan, hubungan dalam komuniti
Semulajadi	Tanah, sumber air, produk hutan, biodiversity
Fizikal	Pengangkutan, jalan infrastruktur, teknologi
Kewangan	Simpanan, kredit dan hutang

Sumber: Harrison, Ireland et al (2005)



RAJAH 1: Kerangka Konsep Kelestarian Kehidupan

Sumber :Allison and Horemans (2006)



RAJAH 1: Lokasi Kajian dan Sempadan Daerah Cameron Highland



RAJAH 2: Pemandangan Sekitaran dan Rumah Penghuni Kawasan Kajian

## **Hasil Kajian Lapangan**

### Profil Responden

**JADUAL 3: Profil Responden**

Profil responden	Peratus
Jantina	
Lelaki	42.7
Perempuan	57.3
Status KIR/AIR	
KIR	26.1
AIR	73.9
Umur	
21-30	59.9
31-40	20.0
41-50	10.0
61 dan ke atas	10.0
Status perkahwinan	
Belum berkahwin	46.6
Berkahwin	45.8
Balu/duda	2.3
Bercerai	1.5
Tiada respons	3.8
Jenis keluarga	
Keluarga asas	54.3
Keluarga luas	45.7
Penduduk asal kampung	
Ya	87.6
Tidak	12.4
Sebab berpindah	
Perkahwinan	8.1
Pekerjaan	4.3
Agama	
Neneh moyang	14.5
Islam	33.6
Kristian	35.1
Hindu	0.8
Lain-lain	16.0

## ASET MANUSIA

### JADUAL 4: Ringkasan Tahap Pendidikan, Pengalaman Bekerja dan Kemahiran serta pengetahuan Yang dimiliki responden Orang Asli

#### a) Pendidikan

Pendidikan	Peratus
Tahap pendidikan	
Tidak pernah bersekolah	13
Pendidikan tidak formal	19.2
Sekolah rendah	11.5
Sekolah menengah	54.8
Universiti/kolej	1.5
Sijil tertinggi	
Tiada sijil	13.0
Sek.Ren/UPSR	11.5
LCE/SRP/PMR	29.8
MCE/SPM/SPMA	15.2
SPMVok/Teknik	9.0
STPM/Matrikulasi	0.8
Sijil kemahiran	19.2
Sebab tidak melanjutkan pelajaran	
Masalah kewangan	25.2
Tidak berminat	21.4
Prestasi akademik tdk memuaskan	9.9
Desakan keluarga	7.6

#### b) Pengalaman bekerja

Pekerjaan utama	Peratus
Kerja tetap	59.6
Kerja sementara	40.4
Jenis pekerjaan tetap	
Swasta	16.8
Kerajaan	9.2
Buruh sektor pelancongan	29.0
Kerja sendiri	4.6
Anggaran purata gaji	
Bawah 440	40.6*
Bawah 500	15.9
501-1000	31.3
1001-1500	10.7
1501-2000	1.5

#### c) Kemahiran dan pengetahuan

Kemahiran	Sangat tidak mahir	Tidak Mahir	Mahir	Lebih Mahir	Sangat mahir	Jumlah yang response	Peratusan mahir
Membaca & Menulis	9.9	16.0	9.9	19.1	39.7	94.6	68.7
Menguasai Bahasa Malaysia	6.1	5.3	9.2	32.1	46.6	99.3	87.9
Menguasai Bahasa Inggeris	27.5	25.3	21.4	20.6	10.7	100	52.7
Menguasai Bahasa Mandarin/Tamil	58.8	7.6	6.1	3.1	16.0	91.6	25.2
Menguasai Bahasa Asli	15.3	3.8	0.0	8.4	66.4	93.9	74.8
Kesenian	34.4	3.8	6.9	9.9	19.8	74.8	36.6
Kraftangan	36.6	3.8	6.9	8.4	13.0	68.7	28.3
Bercucuk tanam	42.0	2.3	13.7	11.5	22.1	91.6	47.3
Ternak	48.1	3.8	12.2	9.2	17.6	90.9	39
Berburu	53.4	6.9	9.2	5.3	16.8	91.6	31.3
Kemahiran jejak tanah	56.5	5.3	6.1	4.6	16.0	88.5	26.7
Teknikal/Vokasional (membaiki motor, rumah, radio)	55.0	7.6	9.2	6.1	9.9	87.8	25.2
Kemahiran perubatan tradisional	60.3	3.1	4.6	7.6	13	88.6	25.2
Keusahawanan (berniaga)	49.6	5.3	12.2	7.6	12.2	86.9	32
Urusan Berkaitan Pelancongan (jungle tracking, caddy)	46.6	4.6	9.2	6.1	18.3	84.8	33.6
Bersukan/aktiviti rekreasi	36.6	6.1	9.2	15.3	19.1	86.3	43.6
Mahir memasak makanan	26.0	4.6	7.6	16.8	27.5	82.5	51.9

## ASET SOSIAL

JADUAL 5: Hubungan Kekeluargaan, Hubungan dalam Komuniti

<b>a) Mereka yang mengambil berat masalah kesihatan, kewangan, emosi</b>				<b>b) Aktiviti kemasyarakatan yang disertai</b>			
Ahli keluarga	Kesihatan	Kewangan	Emosi	Aktiviti kemasyarakatan	Peratus		
Pasangan	39.7	36.6	40.5	Menghadiri kenduri kahwin	80.9		
Anak-anak	42.7	31.3	32.1	Menghadiri aktiviti keagamaan	76.3		
Ibu bapa	50.4	45.8	42.0	Menyertai aktiviti gotong-royong	82.4		
Cucu	18.3	14.5	11.5	Menziarahi orang sakit/kematian	83.2		
Adik beradik	49.6	31.3	37.4	Aktiviti sosial/berhibur	61.8		
Saudara mara	54.2	26.7	33.7	Menghadiri ceramah umum	64.9		
Ahli masyarakat	Kesihatan	Kewangan	Emosi				
Rakan-rakan	51.1	31.3	42.7				
Jiran tetangga	59.5	34.3	36.6				
Pemimpin masyarakat	22.1	23.7	14.5				

### d) Mereka yang selalu datang menziarah dan diziarahi serta kekerapannya

Ahli keluarga	Menziarah anda						Anda ziarahi			
	Setiap hari	Setiap minggu	Sebulan sekali	Beberapa kali dalam setahun	Tidak pernah	Setiap hari	Setiap minggu	Sebulan sekali	Beberapa kali dalam setahun	Tidak pernah
Ibu bapa	19.8	15.3	5.3	8.4	3.8	25.2	3.8	11.5	10.7	5.3
Anak-anak	31.3	3.8	4.6	3.1	3.8	26.0	3.1	4.6	4.6	4.6
Cucu	13.0	6.9	2.3	5.3	6.1	21.4	14.5	14.5	15.3	2.3
Adik beradik	26.0	6.1	9.2	11.5	1.5	13.7	4.6	4.6	6.9	5.3
Saudara mara	20.6	13.7	15.3	16.0	1.5	28.2	7.6	6.9	12.2	3.1
Ahli masyarakat										
Rakan-rakan	36.6	15.3	4.6	9.2	3.1	36.6	16.0	7.6	9.2	4.6
Jiran tetangga	34.4	16.8	6.9	8.4	3.8	35.1	17.6	6.9	10.7	4.6
Pemimpin masyarakat	0.8	4.6	7.6	20.6	16.0	2.3	2.3	3.1	16.8	22.1

## ASET FIZIKAL

JADUAL 6: Bekalan Kemudahan Infrastruktur Fizikal

<b>a) tahap kemudahan asas</b>		<b>b) Cadangan memperbaiki kemudahan asas</b>				
Kemudahan asas	Peratus	Bertambah baik	Tiada perubahan	Semakin teruk	Kemudahan	Peratus
Bekalan air	95.4	60.3	26.7	6.9	Jalan raya	19.8
Bekalan elektrik	89.3	64.9	22.9	3.1	Bekalan air	6.1
Jalan raya	90.1	48.9	24.4	19.8	Padang/taman permainan	9.2
Telefon awam	83.2	40.5	30.5	14.5	Telefon awam	11.5
Kemudahan pengangkutan	80.2	45.8	28.2	6.1	Dewan/balai raya	1.5
Hospital/klinik	72.5	52.7	21.4	0.8	Rumah	7.6
Kedai runcit	87.8	55.7	32.8	1.5	Tandas awam	1.5
Surau	85.5	64.1	19.1	0.8	Saliran	0.8
Balai raya	82.4	66.4	20.6	0.8		

## ASET KEWANGAN

JADUAL 7: Bekalan Kemudahan Infrastruktur Fizikal

<b>a) Simpanan</b>		<b>b) Kredit dan hutang</b>	
Simpanan	Peratus	Hutang	Peratus
bawah 100	8.4	Terikat dengan hutang	12.5
101-500	13.7	Tujuan pinjaman	
501-1000	8.4	Membina rumah	3.8
1001-1500	3.1	Membeli kenderaan	6.1
1501-2000	5.3	Punca pinjaman	
2501-3000	2.3	Keluarga	1.5
3001 ke atas	2.3	Jiran	0.8
		Ins. Kewangan	9.9
		Kaedah pembayaran balik pinjaman	
		Ansuran bulanan	10.7
		Bayaran sekaligus	0.8
		Masalah pembayaran hutang	0.8

JADUAL 7: Kebolehterancaman Komuniti Orang Asli

Ancaman	Kewujudan Ancaman		Jarang-jarang
	Ya	Tidak	
Banjir	51.6	48.4	51.6
Kemarau yang panjang	52.6	47.4	52.6
Tanah runtuh	76.4	23.6	76.4
Wabak penyakit	52.1	47.9	52.1